

11

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD

TARIKH: 26 JULAI 2017

SOALAN:

**Datuk Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan statistik pengangguran di Malaysia terutamanya yang melibatkan golongan siswazah lepasan universiti dalam dan luar negara serta apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian dalam usaha menurunkan kadar pengangguran di Malaysia.**

PR-1352-L02250

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur rakyat Malaysia pada tahun 2016 adalah seramai 504,100 orang dengan kadar pengangguran sebanyak 3.4 peratus, iaitu peningkatan sebanyak 0.3 peratus berbanding dengan kadar pengangguran pada tahun 2015 yang melibatkan seramai 450,300 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 131,600 orang atau 26.1 peratus merupakan bilangan penganggur dari golongan siswazah lepasan universiti dalam dan luar negara pada tahun 2016.

2. Bagi membantu golongan ini mendapat pekerjaan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk *bridging* program yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi seperti berikut:

(i) Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk menyelaraskan penglibatan pihak industri bagi mengumpulkan maklumat mengenai keperluan industri. Selain itu, Jawatankuasa Jurang Kemahiran kritikal juga telah ditubuhkan di bawah seliaan bersama *Talent Corporation* dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk

membantu JKI mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, terutamanya dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan masa hadapan.

- (ii) Program *Graduates Enhancement Programme for Employability (GENERATE)* oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

Program ini bertujuan untuk membantu golongan graduan/ siswazah menganggur menerusi latihan berkemahiran tinggi dan *application-based* yang diperlukan oleh industri bagi mempertingkatkan kebolehpkerjaan.

- (iii) Program Pekerja dan *Future Worker* oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)

Program ini dilaksanakan kepada golongan future worker yang merangkumi kursus *hard skills, high impact and high value* yang memenuhi keperluan industri setempat. Kursus yang dijalankan ini merupakan nilai tambah kepada pencari kerja dan seterusnya menjadi pelengkap kepada *skills gap* di antara pelatih dan kehendak majikan.

- (iv) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama *JobsMalaysia*.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

3. Selain itu, bagi memudahkan golongan ini mendapatkan pekerjaan, KSM turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

(i) Portal Perkhidmatan Pekerjaan

JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) merupakan portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja.

(ii) Penubuhan Pusat Kerjaya (*JobsMalaysia Centre*) di *Urban Transformation Centre (UTC)*

Pada masa kini *JobsMalaysia Centre (JMC)* telah beroperasi di 11 buah UTC. Selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri seperti diumumkan dalam Bajet 2017, iaitu untuk mewujudkan pusat kerjaya di setiap UTC seluruh negara, KSM dengan kerjasama lain-lain agensi kerajaan bakal mewujudkan JMC di UTC-UTC lain di seluruh negara. JMC berperanan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti mengenai maklumat berkaitan peluang pekerjaan, bimbingan kerjaya, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan, pepadanan pekerjaan, temuduga serta penempatan pekerjaan.

(iii) Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya (*Career Information Centre*)

Ia berfungsi sebagai "One Stop Centre" bagi pencari kerja. Pusat ini bertempat di *JobsMalaysia* yang berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja.

(iv) Penganjuran lebih banyak karnival kerjaya di *JobsMalaysia Centre (JMC)* di seluruh negara. Karnival kerjaya yang telah diadakan pada 20 Mei 2017, telah dikunjungi oleh 18,456 pencari kerja dan seramai 7,588 telah berjaya mendapat pekerjaan.